



# MULA



UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY. MICROFILM



REF ID: A11185  
PER. UTARA-UM



A004665885

INV. 4172

PILIHAN RAYA KEWIRAWAAN YA DALAM  
MENEGAKKAN NEGARA ISLAM DI MALAYSIA

OLEH

MUHD. SHAFIE BIN NGAM

KERTAS PROJEK INI ADALAH SATU LATIHAN  
ILMIAH UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARI PADA KEPERLUAN IJAZAH SAKJANA  
MUDA DALAM SYARIAH PADA SESI 1989/90

FAKULTI SYARIAH  
AKADEMI ISLAM UNIVERSITI MALAYA

## **DERIKASI**

Buat kakak dan ayah yang tercinta  
yang memajarkan dan mendidikku sejak awal  
Buat saudara-saudaraku kekerluarga  
yang selalu membimbingku ke jalan yang bermakna  
Buat CM  
yang bakal menjadi teman hidupku

Doaku untuk semua  
moqa-moqa mendapat petunjuk  
dan hidayahnya sentiasa  
Berbahagialah hendaknya  
di dunia dan akhirat

Amin.

## Penghargaan

Kesyukuran yang sebanyak-banyaknya penulis rasa'kan kepada Allah Azza Majalla, yang telah mengizinkan pengakhiran kajian ini.

Ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan khususnya kepada Yang Berbahagia Ustaz Alias Othman yang telah menyelia kertas projek ini, dan umumnya kepada semua tenaga pengajar Akademi Islam yang telah memberikan tunjuk ajar dan bimbingan kepada penulis.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih penulis kepada zakan-zakan yang telah turut membantu menyempurnakan kertas projek ini.

Semoga Allah mengganjari semuanya dan menempatkan kita bersama-sama orang-orang yang berjaya, di dunia dan akhirat.

Mohd Shafiq Bin Ngah

## PENDAHULUAN

### Latar Belakang Masalan

Secara umumnya, masyarakat Malaysia memang telah sedia maklum tentang percaturan politik negara yang semakin kronik. Di sanalah tertumpunya berbagai-bagi teori dan tahaman yang tidak selari antara satu kumpulan politik dengan satu kumpulan politik yang lain. Peranggahan itu lebih jelas kelihatan apabila tiba musim pilihanraya. Bahang kepanasan pilihanraya itu turut sama dirasai oleh mereka yang mempunyai cita-cita memperjuangkan Islam di bumi bertuah ini, sama ada mereka itu berada di dalam parti politik yang menyebalih kerajaan mahupun yang memihak kepada pembangkang.

Dalam kajinan ini penulis akan mengkaji latar belakang teori Negara Islam secara umum, sebagai satu objek cita-cita yang dikehendaki oleh pejuang-pejuang Islam. Malah ia sebenarnya satu gambaran yang perlu ada di dalam perhatian setiap muslim. Kemudian penulis meninjau pula sistem yang membentuk kerajaan di negara

ini iaitu sistem pilihanraya, agar dapat disesuaikan dengan arah perjuangan mereka.

Dalam konteks Malaysia, penulis menyedari terdapatnya dua kumpulan Muslim yang percita-cita menaikkan Negara Islam dengan tanjungan yang berbeza-beza terhadap sistem pilihanraya. Pembahagian yang secara umum ini mendapat kumpulan pertama adalah kumpulan yang betul-betul yakin bahawa dengan sistem pilihanraya sahaja yang akan dapat menegakkan Negara Islam di Malaysia. Walaupun bagaimanapun kumpulan ini tidak mempunyai maklumat yang dikenalpasti. Justeru itu kerja-kerja mereka menjadi seorang-salah kerja yang tidak berperancangan dan panduan.

Manakala kumpulan yang kedua-dua adalah kumpulan orang-orang Islam yang menolak tanjungan sistem ini. Mereka berpendapat uemikian dengan mengemukakan beberapa alasan. Kumpulan ini secara umumnya tidak merestui perjuangan menegakkan Negara Islam dengan cara menyertai pilihanraya.

Melalui kajinan ini penulis akan cuba mengemukakan jalan tengah bagi kedua-dua kumpulan ini. Ini memandangkan terdapatnya potensi yang besar apabila kedua-dua kumpulan tersebut dapat diselaraskan.

Penulis akan menjelaskan pandangan Islam terhadap sistem pilihanraya dan seterusnya mengumpulkan data-data yang menyatakan kapasiti menegakkan Islam di negara ini, dengan menumpukan kepada data kependudukan bangsa-bangsa di negara ini. Walaupun penulis mengakui bahawa terdapatnya faktor-faktor lain yang mempengaruhi keputusan sesuatu pilihanraya. Penulis menumpukan kepada fakta kependudukan demi memudahkan kajian yang berbentuk komparatif.

Kajian ini akan mengambil Parti Islam Se Malaysia (PAS) sebagai satu model kajian. Walaupun ulasan dan cadangan tidak tertumpu kepada parti itu sahaja.

### Metodologi

Metodologi boleh diertikan sebagai satu ilmu tentang cara-cara untuk membuat penelitian. Ia amat penting untuk menentukan nilai kajian.

Dalam kajian ini penulis menggunakan dua metod utama iaitu;

## 1. Metod Pengumpulan Data Dan Maklumat.

Dalam metod ini terdapat dua cara yang digunakan;

### 1.1. Kajian Perpustakaan (Library Research).

Kajian ini memenuhi Babu Satu dan Bab Dua. Perpustakaan utama yang terlibat ialah:

1.1.a. Perpustakaan Utama Universiti Malaya

1.1.b. Perpustakaan Undang-undang Universiti Malaya

1.1.c. Perpustakaan Ayam Pusat Islam

1.1.d. Perpustakaan Bahagian Setiausaha

Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia

1.1.e. Perpustakaan Bahagian Demografi Jabatan

Penzangkaan Malaysia

### 1.2. Kajian Luar.

Penulis menggunakan kaedah observasi di dalam bahagian kajian luar ini. Ia melengkapkan sebahagian dari Bab Tiga, khususnya di bahagian analisa pilihanraya. Penulis menjalankan observasi tanpa penyertaan secara langsung.

## 2. Metod Analisa Data Dan Maklumat.

Penulis telah menggunakan kaedah komparatif iaitu

dengar mendengarkan data-data yang pertama dan seterusnya berikut dari penyimpuannya sendiri satu kewajipan.

### Masalah Kalian

Penulis tidak berasal sebarang orang yang besar di dalam kerajaan ini. Semua pihak yang berkenaan seperti Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia dan Menteri Demografi Jabatan Perangkaan Malaysia telah memberikan kerjasama yang memuaskan.

## Difinisi Tajuk

Tajuk : Pilihanraya - Kevibawaan Dalam Menegakkan Negara Islam Di Malaysia

Terdapat tiga frasa utama di dalam tajuk ini. Frasa pertama ialah; Pilihanraya. Frasa kedua; Kevibawaannya Dalam menegakkan Negara Islam, dan frasa ketiga; Malaysia.

Pilihanraya: Ia adalah satu sistem satu sistem politik yang sedang berjalan di Malaysia dalam menentukan kepemimpinan negara. Di dalam sistem ini undian rakyat adalah kuasa penentu bagi pembentukan kepemimpinan itu.

Kevibawaannya Dalam Menegakkan Negara Islam: Maknudnya, setakat mana kemampuan pilihanraya jika ia digunakan sebagai satu cara untuk menegakkan Negara Islam.

Malaysia: Malaysia adalah sebuah negara yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu Malaysia Timur dan Malaysia Barat (Semenanjung Malaysia). Dalam kajian ini penulis hanya menaruh perhatian kepada Semenanjung Malaysia sahaja.